

NO. SOALAN: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]

TARIKH : 25 OKTOBER 2017 (RABU)

SOALAN:

Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah statistik terkini pendaftaran sekolah tahfiz yang telah berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan serta di bawah Jabatan Agama Islam Negeri dan apakah terdapat peruntukan tambahan setiap tahun kepada pusat-pusat tahfiz yang berdaftar.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua institusi pendidikan agama termasuk sekolah-sekolah tahfiz yang ditubuhkan oleh pelbagai pihak adalah perlu berdaftar dan tertakluk kepada Enakmen

Kawalan Sekolah-Sekolah Agama atau undang-undang dan peraturan yang sedang berkuatkuasa di negeri berkenaan. Ini adalah selaras dengan ketetapan Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri.

Oleh itu, urusan pendaftaran sekolah agama adalah tertakluk di bawah bidangkuasa negeri yang ditadbir Jabatan Agama Islam Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri. Manakala Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam perkara ini bertindak sebagai penyelaras data yang disediakan oleh pihak negeri. Mengikut Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SEMPENI) yang diselaraskan oleh Jakim, sehingga Jun 2017 terdapat sebanyak 608 buah tahfiz swasta yang berdaftar dengan bilangan guru seramai 3,999 orang dan pelajar seramai 40,715.

Kerajaan Persekutuan juga melalui Dasar Pendidikan Tahfiz Negara telah meluluskan peruntukan sebanyak RM30 juta untuk tujuan penyelarasan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) dalam pembentangan bajet 2017 oleh YAB Perdana Menteri. Peruntukan ini telah memberi manfaat kepada 591 buah tahfiz negeri dan swasta berdaftar.

Sekian, terima kasih.